

UBM Asia anjur Kind Malaysia 2018



PENGARAH Urusan Kumpulan Perniagaan ASEAN UBM Asia, M. Gandhi (tengah) pada sidang akhbar pra pelancaran Kind Malaysia 2018 hari ini. - UTUSAN ONLINE

Nabila Yasmin Razib

24 Julai 2018 10:50 AM

4

KUALA LUMPUR 24 July - UBM Asia akan menganjurkan Kind Malaysia 2018 sebagai satu daripada inisiatif bagi memupuk hubungan dan jalinan strategik antara badan korporat dan komuniti.

Pengarah Urusan Kumpulan Perniagaan ASEAN UBM Asia, M. Gandhi berkata, acara tersebut dianjurkan khas bagi memberi pendedahan antra badan-badan kebajikan dan sektor korporat.

“Kind Malaysia 2018 akan menyediakan satu platform untuk membantu pihak tadbir urus korporat untuk mengenalpasti peluang-peluang baharu dan berkongsi amalan terbaik dalam bidang ini.

“Kami ingin memberi inspirasi serta megalakkan syarikat korporat untuk menyebarkan kebaikan dan rasa bertanggung jawab terhadap komuniti,” katanya pada sidang akhbar pra pelancaran Kind Malaysia 2018 di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE